

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[PAYA BESAR]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah orang yang telah mendaftar sebagai penderma organ sejak lima tahun yang lalu dan berapakah jumlah pesakit yang telah menerima manfaat daripada organ yang didermakan serta berapakah jumlah pesakit yang berjaya diselamatkan melalui hasil pemindahan organ tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tidak dinafikan kesedaran dan penerimaan masyarakat mengenai derma organ di Malaysia masih rendah, namun trendnya semakin meningkat. Buat masa ini hampir 300,000 rakyat Malaysia telah berdaftar atau berikrar ataupun satu peratus (1%) dari jumlah populasi. Walaubagaimanapun, jumlah pendaftaran baru setiap tahun semakin menunjukkan peningkatan. Pada 2010 hanya 20,377 yang berdaftar sebagai pengikrar penderma organ. Tetapi pada tahun 2014, bilangan telah meningkat kepada 39,314 orang.

Jumlah masyarakat Melayu yang telah berdaftar juga semakin meningkat. Pada tahun 2014, seramai 13,628 orang Melayu telah berdaftar mengatasi lain-lain kaum. Sebelum ini, pendaftaran baru lebih banyak diperolehi dari kaum Cina dan India. Ini menunjukkan, masyarakat Islam di negara ini lebih terbuka tentang konsep derma organ hasil dari kempen dan penjelasan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan rakan kerjasama kami seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Fatwa Kebangsaan yang mengharuskan derma organ telah lama dikeluarkan seawal tahun 1970.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

KKM lebih menggalakkan pendermaan organ selepas kematian bukan semasa hidup, kerana ia tidak melibatkan risiko kepada penderma yang sudah pun meninggal dunia. Buat masa ini, sehingga 31 Mac 2015, seramai 521 orang telah menderma organ dan tisu selepas meninggal dunia. Jumlah ini juga didapati semakin meningkat dan pada tahun 2014, KKM mencatatkan jumlah pendermaan tertinggi iaitu seramai 56 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini sudah tentu tidak dapat menampung jumlah pesakit yang sedang menunggu iaitu hampir 20,000 orang. Ini menyebabkan ahli keluarga pesakit terpaksa berkorban menjadi penderma organ semasa hidup untuk didermakan kepada pesakit.

Tidak timbul isu jenazah tidak diuruskan sempurna kerana pembedahan derma organ yang akan dilakukan ke atas si mati akan dilakukan dengan teliti dan terhormat sebagaimana yang dilakukan ke atas orang yang hidup. Jenazah juga akan dikembalikan kepada keluarga secepat

mungkin selepas pembedahan bagi urusan penghormatan dan pengebumian.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak KKM sedia maklum bahawa masih terdapat banyak salah faham di kalangan masyarakat terutamanya tentang perspektif agama berkenaan dengan pendermaan organ. Sehubungan dengan itu, pihak KKM telah merangka Pelan Strategik Kempen Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun 2012. Salah satu strategi yang digariskan di bawah pelan strategik ini adalah bagi menangani salah faham yang berlegar di kalangan masyarakat berkaitan amalan pendermaan organ dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan badan-badan agama terutamanya pihak JAKIM, IKIM dan Pejabat- Pejabat Mufti. Selain itu, KKM turut bekerjasama dengan tokoh-tokoh agama yang berpengaruh seperti Dato' Noh Gadut, Dr Juanda Yahya, Dr Mohd Asri Zainal Abidin, Imam Muda Asyraf, dan Ustaz Hasrizal Jamil untuk memperluaskan mesej yang sahih tentang pendermaan organ ini. Kini, pihak KKM sedang di dalam proses untuk menerbitkan video yang menampilkan ikon-ikon agama di Malaysia bagi memberi penerangan dan informasi yang tepat tentang pendermaan organ dari perspektif Islam.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM amat menghargai keprihatinan ahli YB mengenai isu derma organ dan mengenai jumlah pesakit yang sedang menunggu. Pihak KKM merasakan sudah tiba masanya wakil rakyat menjadi contoh kepada masyarakat untuk sama-sama berikrar sebagai penderma organ setelah meninggal dunia nanti. Sudah tiba masanya juga ahli-ahli YB sekalian mengambil langkah yang lebih drastik dan aktif untuk mendidik

masyarakat dan mempromosikan pendermaan organ khususnya di kawasan masing-masing sebagaimana yang turut dilakukan oleh ahli-ahli parlimen di negara-negara maju yang lain.